



PERJANJIAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

(Nama PEGAWAI dan No. Kad Pengenalan)

PERJANJIAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

Perjanjian ini dibuat pada tarikh yang dinyatakan di **Bahagian 1 Jadual** kepada Perjanjian ini di antara KERAJAAN MALAYSIA yang bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (selepas ini di sebut “KERAJAAN”) sebagai pihak pertama dan pihak yang nama dan butir-butirnya di **Bahagian 2 Jadual** kepada Perjanjian ini iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (selepas ini di sebut “PEGAWAI”) sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA –

- A. KERAJAAN telah bersetuju untuk memberikan Hadiah Latihan Persekutuan kepada PEGAWAI bagi mengikuti Pengajian seperti yang ditetapkan di dalam Surat Tawaran seperti di **Bahagian 3 Jadual** kepada Perjanjian ini.
- B. KERAJAAN telah bersetuju meluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa kepada PEGAWAI bagi mengikuti Pengajian seperti yang ditetapkan di dalam Surat Kelulusan seperti di **Bahagian 4 Jadual** kepada Perjanjian ini.
- C. PEGAWAI telah menerima Surat Tawaran dan Surat Kelulusan tersebut dan bersetuju untuk menerima Hadiah Latihan Persekutuan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan Surat Tawaran tersebut.
- D. Surat Tawaran, Surat Kelulusan dan apa-apa surat yang dikeluarkan oleh KERAJAAN kepada PEGAWAI hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. Definisi dan Tafsiran

1.1 Definisi

Di dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah diberi maksud seperti yang berikut :

- | | |
|----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| “Hadiah Latihan Persekutuan” | - ertinya Biasiswa yang diperturunkan di bawah peruntukan Persekutuan yang dikendalikan oleh KERAJAAN. |
| “Cuti Belajar” | - ertinya cuti yang diluluskan oleh KERAJAAN kepada seseorang PEGAWAI bagi mengikuti Pengajian secara sepenuh masa. Bagi tempoh tersebut seseorang PEGAWAI itu dibenarkan meninggalkan tugas untuk mengikuti pengajian secara sepenuh masa dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja. |
| “Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa” | - ertinya Cuti Belajar yang diluluskan oleh KERAJAAN di mana dalam tempoh Cuti Belajar PEGAWAI memperolehi gaji dan biasiswa yang ia berkelayakan. |

- “Biasiswa” - ertinya nilai biasiswa yang akan dibayar kepada PEGAWAI termasuklah bantuan-bantuan lain seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran/Surat Kelulusan.
- “Penggajian” - ertinya kursus Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan atau Diploma atau Sijil yang diikuti oleh PEGAWAI seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.
- “Surat Tawaran” - ertinya Surat Tawaran Hadiah Latihan Persekutuan daripada KERAJAAN kepada PEGAWAI.
- “Surat Kelulusan” - ertinya Surat Kelulusan Cuti Belajar daripada KERAJAAN kepada PEGAWAI termasuk apa-apa Surat Kelulusan lain yang dikeluarkan oleh KERAJAAN kepada PEGAWAI.
- “Tempoh Pengajian” - ertinya suatu tempoh yang dibenarkan oleh Universiti/Institusi dan dipersetujui oleh KERAJAAN kepada PEGAWAI bagi membolehkan PEGAWAI mengikuti pengajian.

1.2 Tafsiran

- (a) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada peruntukan-peruntukan dan bahagian-bahagian di dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan pembacaan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini;
- (b) Rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan-rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda dan digubal semula; dan
- (c) Rujukan kepada lampiran, fasal, sub-fasal atau jadual adalah rujukan kepada lampiran, fasal, sub-fasal atau jadual di dalam Perjanjian ini.

2. Pembayaran Biasiswa

- 2.1 Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini, KERAJAAN bersetuju untuk memberikan Biasiswa kepada PEGAWAI dan juga bantuan-bantuan lain (selepas ini disebut “Nilai Biasiswa”) untuk membiayai Pengajian PEGAWAI di universiti atau institusi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.
- 2.2 KERAJAAN akan membayar Nilai Biasiswa tersebut sama ada kepada PEGAWAI itu sendiri, penjaga di sisi undang-undang atau kepada pihak berkuasa universiti atau institusi atau melalui wakil KERAJAAN seperti mana yang berkenaan.

3. Tempoh Pengajian dan Cuti Belajar

PEGAWAI akan menamatkan Pengajiannya dengan memperolehi Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan atau Diploma atau Sijil dalam tempoh Pengajian/ tempoh Cuti Belajar (yang mana terdahulu) seperti dinyatakan di dalam Surat Tawaran/Surat Kelulusan atau dalam sesuatu masa sebagaimana yang diluluskan oleh KERAJAAN.

4. Tanggungjawab PEGAWAI

4.1 Dalam Tempoh Pengajian

- (a) PEGAWAI akan dengan bersungguh-sungguh dan sedaya upaya mengikuti Pengajian seperti yang dinyatakan di dalam Surat Kelulusan dengan menghadiri kuliah, seminar, ceramah, tutorial dan apa-apa program yang dijalankan berkaitan dengan Pengajian PEGAWAI.
- (b) PEGAWAI akan menghadiri semua ujian dan peperiksaan yang disyaratkan yang berkaitan dengan Pengajiannya untuk mendapat Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan atau Diploma atau Sijil, sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan.
- (c) PEGAWAI hendaklah menyempurnakan kursus Pengajian dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan di dalam Surat Kelulusan.
- (d) PEGAWAI tidak boleh menukar Pengajian dan/atau tempat Pengajiannya ke universiti atau institusi selain daripada yang ditetapkan oleh KERAJAAN tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (e) PEGAWAI tidak boleh melanjutkan tempoh dan/atau menangguhkan Pengajian tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (f) PEGAWAI tidak boleh meninggalkan Pengajian sebelum sempurnanya Pengajian itu tanpa persetujuan KERAJAAN.

4.2 Memaklumkan Keputusan Peperiksaan/Laporan Kemajuan Kursus

- (a) PEGAWAI hendaklah melaporkan dalam tempoh dua (2) minggu kepada KERAJAAN, keputusan peperiksaan atau ujian penggal, semester, tahunan atau akhir yang diduduki oleh PEGAWAI sebaik sahaja keputusan atau ujian tersebut diisytiharkan oleh universiti atau institusi yang berkenaan.
- (b) PEGAWAI hendaklah mengemukakan kepada KERAJAAN laporan kemajuan kursus setiap enam (6) bulan sekali.

4.3 Disiplin

- (a) PEGAWAI akan sentiasa mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuatkuasa di universiti atau institusi dari semasa ke semasa.
- (b) PEGAWAI tidak boleh melakukan perbuatan salahlaku dalam apa cara jua pun yang pada pendapat KERAJAAN mungkin menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Malaysia.

- (c) PEGAWAI adalah tertakluk kepada apa-apa perundangan dan apa-apa peraturan lain sebagaimana yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa yang terpakai kepada PEGAWAI awam.

4.4 Hasutan dan Tunjuk Perasaan

PEGAWAI tidak boleh pada bila-bila masa dalam Tempoh Pengajiannya –

- (a) Mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat KERAJAAN, adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau institusi pendidikan;
- (b) Menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat KERAJAAN, adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan;
- (c) Menyediakan, mencetak, membahagi atau mengedarkan atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen atau lain-lain bahan yang pada pendapat KERAJAAN adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan; atau
- (d) Membuat apa-apa kenyataan :
 - (i) di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat KERAJAAN boleh memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan.
 - (ii) di laman sesawang/media cetak/media elektronik yang pada pendapat KERAJAAN adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan.

4.5 Menyertai Politik dan Pertubuhan

- (a) PEGAWAI tidak boleh mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan berunsur politik atau anti-KERAJAAN.
- (b) PEGAWAI tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari KERAJAAN dan KERAJAAN, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.
- (c) PEGAWAI tidak boleh menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat KERAJAAN boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari KERAJAAN dan KERAJAAN, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

4.6 Lain-lain

- (a) PEGAWAI tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan Pengajiannya.
- (b) PEGAWAI tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak selaras dengan kepentingan PEGAWAI atau kepentingan Malaysia. Sekiranya PEGAWAI telah mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan dan kemudiannya telah diberitahu oleh KERAJAAN bahawa kegiatan tersebut adalah tidak selaras dengan kepentingannya atau kepentingan Malaysia maka PEGAWAI hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya.
- (c) PEGAWAI tidak boleh menerima apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa jua cara dan bentuk bantuan kewangan lain bagi tujuan Pengajiannya.
- (d) PEGAWAI tidak boleh sepanjang Tempoh Pengajiannya menerima dan membuat apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak, kecuali dengan kebenaran terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (e) PEGAWAI bertanggungjawab untuk memulangkan apa-apa bayaran yang terlebih bayar oleh KERAJAAN.
- (f) PEGAWAI yang mengikuti Pengajian dalam negara tidak dibenarkan membuat perjalanan ke luar negara tanpa kebenaran KERAJAAN.
- (g) PEGAWAI tidak dibenarkan membuat perjalanan ke negara-negara lain tanpa kebenaran KERAJAAN dan memaklumkan kepada pihak Jabatan Penuntut Malaysia atau Kedutaan Malaysia/Pesuruhjaya Tinggi Malaysia atau yang mana berkaitan.
- (h) PEGAWAI tidak boleh melakukan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan PEGAWAI ditamatkan Pengajian dan/atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi.
- (i) PEGAWAI tidak boleh terikat dengan sebarang perjanjian berkhidmat dengan penaja selain KERAJAAN jika menerima tajaan dari pihak-pihak tersebut.

5. Berkhidmat dengan KERAJAAN

5.1 Laporan Diri Setelah Tamat Pengajian.

PEGAWAI –

- (a) yang mengikuti Pengajian di universiti atau institusi di luar negara hendaklah kembali ke Malaysia dan melaporkan diri kepada KERAJAAN dalam tempoh yang ditetapkan setelah menamatkan Pengajiannya/Cuti Belajar (yang mana terdahulu) sama ada dengan jayanya atau tidak.
- (b) yang mengikuti Pengajian di universiti atau institusi di dalam Malaysia hendaklah melaporkan diri kepada KERAJAAN dalam tempoh yang ditetapkan sebaik sahaja menamatkan Pengajiannya/Cuti Belajar (yang mana terdahulu) sama ada dengan jayanya atau tidak.

- 5.2 PEGAWAI yang telah menamatkan Pengajian dengan jayanya atau tidak, akan terus berkhidmat dengan KERAJAAN sebagaimana yang ditentukan oleh KERAJAAN bagi tempoh seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian 5 Jadual** kepada Perjanjian ini mulai dari tarikh melapor diri bertugas.
- 5.3 Walau apa-apa pun yang dinyatakan dalam mana-mana Perjanjian lain, tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN hendaklah dibaca bersama secara berturutan dengan tempoh berkhidmat yang diperuntukkan di dalam Perjanjian ini.
- 5.4 PEGAWAI yang telah menamatkan Pengajian dan berkhidmat dengan KERAJAAN di bawah fasal 5.2 hendaklah mematuhi semua peraturan-peraturan dan apa-apa undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

6. Pelanggaran dan Penamatan Perjanjian

- 6.1 Dalam Tempoh Pengajian, sekiranya PEGAWAI –
- (a) melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan di bawah fasal 3, fasal 4 selain daripada fasal 4.1 (c), fasal 5 dan fasal 10 Perjanjian ini; dan/atau
 - (b) melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan lain Perjanjian ini;

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, KERAJAAN boleh menurut budi bicara mutlaknyanya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu PEGAWAI hendaklah bertanggungjawab bagi pihak dirinya apabila diminta dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diminta oleh KERAJAAN membayar balik kepada KERAJAAN sejumlah wang seperti yang dinyatakan di **Bahagian 6 Jadual** kepada Perjanjian ini.

- 6.2 Sekiranya PEGAWAI –
- (a) gagal Pengajiannya kerana tidak mencapai markah lulus/syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti atau institusi;
 - (b) gagal menamatkan Pengajian mengikut Tempoh Pengajiannya dan termasuk apa-apa tempoh pelanjutan yang diluluskan oleh KERAJAAN;
 - (c) ditamatkan Pengajian dan/atau ditamatkan penajaan kerana melakukan kesalahan disiplin sehingga PEGAWAI gagal menyempurnakan kursus pengajian dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (d) menarik diri atau meninggalkan Pengajian sebelum sempurnanya Pengajian itu tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN;
 - (e) tidak menamatkan pengajian disebabkan masalah kesihatan dan mendapat perakuan daripada pakar perubatan kerajaan;
 - (f) apa-apa perkara lain yang terjumlah kepada gagal menyempurnakan kursus Pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, PEGAWAI dianggap melanggar **fasal 4.1(c)** Perjanjian ini dan KERAJAAN berhak mengenakan penalti atas pelanggaran tersebut seperti yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** kepada Perjanjian ini.

- 6.3 Dalam tempoh perkhidmatan, sekiranya PEGAWAI –
- (a) selepas tamat Pengajian sama ada dengan jayanya atau pun tidak, gagal menyelesaikan tempoh kontrak perkhidmatan atau melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan di bawah fasal 5 Perjanjian ini;
 - (b) enggan, atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan KERAJAAN selama masa tempoh yang dinyatakan di bawah fasal 5.2 Perjanjian ini;
 - (c) dalam tempoh perkhidmatannya dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan kerana salah laku, kecuaiannya, tidak mengendahkan kewajipan-kewajipannya atau atas apa-apa sebab sekalipun yang menyebabkan PEGAWAI boleh dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan;
 - (d) dalam tempoh perkhidmatannya enggan atau oleh kerana salah lakunya sendiri tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan KERAJAAN dengan pekerjaan tersebut selama masa tempoh yang dinyatakan di bawah fasal 5.2 Perjanjian ini;
 - (e) dalam tempoh perkhidmatannya sama ada mendapat persetujuan KERAJAAN atau tidak, berhenti daripada atau meninggalkan perkhidmatan atau apa-apa pekerjaan lain yang telah diarahkan atau dipersetujui oleh KERAJAAN di bawah fasal 5.2 Perjanjian ini; atau
 - (f) melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan lain Perjanjian ini,

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, KERAJAAN boleh menurut budi bicara mutlakannya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu PEGAWAI hendaklah bertanggungjawab bagi pihak dirinya apabila diminta dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diminta oleh KERAJAAN membayar balik kepada KERAJAAN sejumlah wang seperti yang dinyatakan di **Bahagian 6 Jadual** kepada Perjanjian ini.

- 6.4 KERAJAAN berhak untuk menuntut tanggungan ke atas semua kos dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara-anakguam, untuk menuntut, menyaman atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian ini.
- 6.5 Walau apa-apa pun tuntutan remedi oleh KERAJAAN di bawah fasal 5.3 Perjanjian ini, KERAJAAN boleh menurut budi bicaranya mendapatkan balik jumlah Hadiah Latihan Persekutuan yang telah dibayar kepada PEGAWAI atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian ini.
- 6.6 Sekiranya pembayaran tidak dijelaskan dalam tempoh enam puluh (60) hari, PEGAWAI adalah dengan ini bersetuju untuk membenarkan KERAJAAN untuk membuat perkiraan dengan sesiapa jua pihak lain atau majikan PEGAWAI supaya suatu jumlah tertentu dipotong daripada pendapatan PEGAWAI dan jumlah yang dipotong tersebut dibayar terus kepada KERAJAAN sebagai pembayaran gantirugi.
- 6.7 PEGAWAI juga bersetuju untuk membenarkan KERAJAAN menyiarkan nama PEGAWAI di mana-mana media atau berkongsi maklumat dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan/atau agensi-agensi lain yang berkenaan

bagi tujuan mendapatkan maklumat berkenaan PEGAWAI bagi tujuan menuntut bayaran balik gantirugi tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa ke atas agensi-agensi tersebut.

- 6.8 Walau apa-apa pun yang diperuntukkan di bawah fasal 6.1, fasal 6.2 dan fasal 6.3 di atas, dalam mana mana hal demikian itu, KERAJAAN boleh menurut budi bicara mutlaknya memberi notis tiga puluh (30) hari kepada PEGAWAI untuk meremedikan apa-apa pelanggaran yang dimaklumkan. Sekiranya PEGAWAI gagal meremedikan pelanggaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai tamat berkuat kuasa pada hari selepas tamat tempoh notis berkenaan dan KERAJAAN berhak kepada hak yang dinyatakan dalam fasal 6.4 dan fasal 6.5.

7. Hak KERAJAAN

Maka dengan ini adalah dipersetujui dan diakui bahawa walaupun apa-apa jua yang terkandung dalam Perjanjian ini, KERAJAAN boleh dengan memberi tiga puluh hari (30) notis bertulis kepada PEGAWAI membatalkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan tidak memberi apa-apa sebab dan dengan demikian segala faedah bagi PEGAWAI di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti.

8. Perubahan Terma Perjanjian

KERAJAAN berhak membuat apa-apa pindaan, perubahan dan penambahan ke atas semua terma dan syarat di dalam Perjanjian ini pada bila-bila masa sahaja dengan syarat bahawa ia hendaklah dipersetujui oleh PEGAWAI dan setelah ia dipersetujui oleh pihak-pihak, satu perjanjian tambahan hendaklah ditandatangani, yang mana perjanjian tambahan tersebut hendaklah dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.

9. Duti Setem

Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PEGAWAI.

10. Makluman Perubahan Maklumat PEGAWAI

- 10.1 PEGAWAI adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada KERAJAAN melalui notis bertulis sebarang perubahan maklumat, alamat atau status PEGAWAI, jika ada.
- 10.2 Sebarang notis bertulis dan/atau proses tindakan mahkamah yang perlu dihantar kepada PEGAWAI di dalam Perjanjian ini dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ia ditinggalkan di alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini atau dalam notis pertukaran alamat atau alamat terakhir yang diketahui atau dihantar melalui pos berdaftar kepada mana-mana alamat tersebut yang berkenaan.

11. Pemakaian Undang-Undang

- 11.1 Perjanjian ini hendaklah dalam segala hal ditadbirkan dan ditentukan serta ditafsirkan berdasarkan undang-undang di Malaysia.
- 11.2 KERAJAAN berhak untuk memulakan prosiding berkenaan pelanggaran di bawah fasal 7 Perjanjian ini terhadap PEGAWAI di dalam mahkamah di Malaysia.
- 11.3 Pihak-pihak bersetuju dan mengiktiraf serta menerima sebagai muktamad segala keputusan oleh mahkamah Malaysia berkenaan sebarang pertikaian yang timbul daripada Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut di dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas :

KERAJAAN :

Di hadapan Saksi :

Nama :

Nama :

No. Kad Pengenalan:

No.Kad Pengenalan :

Cop Rasmi :

Pekerjaan :

Alamat :

Jawatan dan Cop Rasmi Jabatan:

PEGAWAI :

Di hadapan Saksi :

Nama :

Nama :

No. Kad Pengenalan:

No.Kad Pengenalan :

Pekerjaan :

Alamat :

Jawatan dan Cop Rasmi Jabatan:

JADUAL

(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini)

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Tarikh Perjanjian haribulan 20.....
2.	PEGAWAI	Nama : No. Kad Pengenalan : Alamat Tetap:
3.	Surat Tawaran Hadiah Latihan Persekutuan	No. Rujukan : Tarikh :
4.	Surat Kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa	No. Rujukan : Tarikh : Tempoh Cuti Belajar : Nama Program : Peringkat Pengajian : Bidang Pengajian : Universiti/Institusi :

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR	
5.	<p>Tempoh Kontrak Berkhidmat Dengan KERAJAAN:</p> <p>(a) Tamat tempoh Cuti Belajar dalam tempoh kelulusan pertama (asal) atau;</p> <p>(b) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 3 bulan hingga 12 bulan atau;</p> <p>(c) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 12 bulan hingga 24 bulan atau;</p> <p>(d) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 24 bulan hingga 36 bulan atau,</p> <p>(e) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 36 bulan</p>	<p style="text-align: center;">5 Tahun</p> <p style="text-align: center;">6 Tahun</p> <p style="text-align: center;">6 Tahun</p> <p style="text-align: center;">6 Tahun</p> <p style="text-align: center;">6 Tahun</p>	
6.	<p>Jumlah Tuntutan Gantirugi Jika : Mungkir Perjanjian:</p> <p>(a) Tamat tempoh Cuti Belajar dalam tempoh kelulusan pertama (asal) atau;</p> <p>(b) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 3 bulan hingga 12 bulan atau;</p> <p>(c) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 12 bulan hingga 24 bulan atau;</p> <p>(d) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 24 bulan hingga 36 bulan atau,</p> <p>(e) Tamat tempoh Cuti Belajar lebih 36 bulan</p>	<p>Dalam Negara</p>	<p>Luar Negara</p>
		<p>120,000.00</p>	
		<p>RM 120,000.00</p>	<p>Kos Sebenar</p>
		<p>160,000.00</p>	
		<p>RM 160,000.00</p>	<p>Kos Sebenar</p>
		<p>160,000.00</p>	
		<p>RM 160,000.00</p>	<p>Kos Sebenar</p>
		<p>160,000.00</p>	
		<p>RM 160,000.00</p>	<p>Kos Sebenar</p>
		<p>160,000.00</p>	
		<p>RM 160,000.00</p>	<p>Kos Sebenar</p>

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
7.	Penalti Yang Akan Dikenakan: (a) fasal 6.2 (a)	(a) Bayaran sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan dalam perjanjian atau mana-mana kadar yang ditetapkan KERAJAAN (b) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan KERAJAAN (c) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN
	(b) fasal 6.2 (b)	(a) Bayaran sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan dalam perjanjian atau mana-mana kadar yang ditetapkan KERAJAAN (b) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan KERAJAAN (c) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN (d) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan
	(c) fasal 6.2 (c)	(a) Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan dalam perjanjian atau mana-mana kadar yang ditetapkan KERAJAAN (b) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan KERAJAAN (c) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN (d) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
	(d) fasal 6.2 (d)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan dalam perjanjian atau mana-mana kadar yang ditetapkan KERAJAAN (b) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan KERAJAAN (c) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN (d) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan)
	(e) fasal 6.2 (e)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan KERAJAAN (b) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN
	(f) fasal 6.2 (f)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Bayaran mengikut mana-mana kadar yang ditetapkan KERAJAAN (b) Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan KERAJAAN (c) Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan KERAJAAN (d) Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan